



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
MINGGU EPIDEMIOLOGI 24 (09 JUN 2024 – 15 JUN 2024)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,900 kes berbanding 2,508 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lima (5) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-24 adalah sebanyak 70,037 kes berbanding 54,139 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 53 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 39 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-24 adalah sebanyak 85 lokaliti berbanding 71 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 85 lokaliti yang dilaporkan, 58 lokaliti di Negeri Selangor, lapan (8) lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Negeri Kedah, lima (5) lokaliti di Negeri Perak, empat (4) di lokaliti Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Negeri Pulau Pinang dan dua (2) lokaliti Sarawak.

Bagi surveilans chikungunya, terdapat tiga (3) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-24. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 37 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-24. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,024 sampel darah, enam (6) sampel urin dan dua (2) sampel cecair tulang belakang telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Demam denggi boleh menyerang semua peringkat masyarakat tanpa mengira umur. Walau bagaimanapun risiko mendapat jangkitan demam denggi adalah lebih tinggi bagi individu yang tinggal atau berada di kawasan hotspot atau wabak denggi serta golongan bekerja dan pelajar yang kerap melakukan aktiviti di luar rumah. Amalkan langkah-langkah pencegahan sendiri seperti memakai pakaian berwarna cerah dan menutup anggota badan yang terdedah terutama sewaktu menjalankan aktiviti di luar rumah pada waktu aktif gigitan nyamuk *Aedes*, iaitu pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan 5 petang hingga 8 malam. Cegah denggi sebelum terkena. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


**25 Jun 2024**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-24 & ke-23 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-24), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2024**